

04 MAR 2000

Ali-Calon

UMNO MELAKA TIDAK TETAPKAN PENCALONAN KERUSI NAIB PRESIDEN

MELAKA, 4 Mac (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Melaka tidak membuat ketetapan meminta semua lima bahagian Umno di negeri itu membuat pencalonan yang sama bagi jawatan naib presiden dan Majlis Tertinggi (MT).

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, badan itu hanya membuat ketetapan supaya semua bahagian mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden pada pemilihan Mei ini.

Mohd Ali yang juga pengerusi badan itu berkata, pencalonan bagi tiga jawatan naib presiden dan kerusi MT, semua bahagian bebas membuat pencalonan masing-masing.

"Ketetapan yang dipersetujui pada mesyuarat badan perhubungan sebelum ini ialah untuk menuruti nasihat MT supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri perasmian bangunan Majlis Datuk-Datuk Melaka di sini, hari ini.

Bangunan itu dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin.

Menurut Mohd Ali, Umno negeri juga menyerahkan kepada semua bahagian untuk mengendalikan pemilihan perwakilan dan cara pencalonan sama ada secara terbuka atau undi sulit.

"Yang penting ialah perjalanan mesyuarat dibuat mengikut perlembagaan dan peraturan parti...jalankan mesyuarat dengan tenteram tanpa sebarang kekecohan," katanya.

Bahagian Batu Berendam yang diketuai Mohd Ali akan mengadakan persidangan esok manakala empat lagi bahagian dijadual bersidang pada Ahad depan (12 Mac).

"Tidak ada permintaan supaya bahagian-bahagian lain mencontohi senarai pencalonan Batu Berendam," katanya.

Mengenai perjalanan mesyuarat 264 cawangan Umno seluruh negeri, beliau berkata semua cawangan selesai mengadakan mesyuarat tanpa masalah kecuali dua cawangan dalam bahagian Jasin yang perlu mengadakan semula mesyuarat.

"Itu adalah rekod yang baik dan kekecohan kecil di dua cawangan berkenaan tidak menjejaskan," katanya.

Berucap pada majlis itu, Ketua Menteri meminta ahli-ahli persatuan berkenaan supaya menggunakan kedudukan dan pengalaman masing-masing bagi membantu masyarakat.

Penubuhan Yayasan Datuk-Datuk Melaka adalah langkah tepat dalam usaha membantu golongan miskin, katanya.

-- BERNAMA

MOZ PR